



**PERUTUSAN DATUK BANDAR  
MESYUARAT MAJLIS BIL 4/2018  
25 APRIL 2018 (9 SYAABAN 1439H)**

**BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM**

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

1. Saya ingin merafakkan kesyukuran yang tidak terhingga di atas segala nikmat kurniaan yang diberikan kepada kita semua. Saya berharap agar semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, pegawai-pegawai dan warga kerja Majlis sentiasa bersama-sama saya dalam memberikan kerjasama dan komitmen kepada Majlis bagi memastikan program dan aktiviti yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Dalam menghadapi arus globalisasi masa kini, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bukan sahaja berdepan dengan proses pembangunan perbandaran, malah ianya juga berdepan dengan harapan penduduk yang semakin tinggi terhadap perkhidmatan yang ditawarkan.

Sebagai organisasi yang berteraskan perkhidmatan, Majlis perlu sentiasa prihatin dan peka terhadap keperluan dan ekspektasi penduduk khususnya penduduk Petaling Jaya. Justeru itu, saya berharap agar perkhidmatan yang diberi kepada pelanggan Majlis adalah yang terbaik dan secara langsung mencerminkan kualiti, ketelusan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan secara keseluruhannya.

**2. PELAKSANAAN TEMPOH PERCUBAAN SISTEM PARKIR & KOMPAUN BERINTEGRASI NEGERI SELANGOR ‘SMART SELANGOR PARKING’ (SSP)**

Majlis Bandaraya Petaling Jaya dengan kerjasama Perbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) menerusi SSDU Innovations Sdn Bhd akan melaksanakan tempoh percubaan Sistem Parkir & Kompaun Berintegrasi Negeri Selangor ‘Smart Selangor Parking’ (SSP) di Kawasan Letak Kereta “On-Street” Dataran Sunway, PJU 5 Kota Damansara Petaling Jaya berkuatkuasa mulai **1 Mei hingga 31 Mei 2018.**

Pembangunan Modul sistem penguatkuasaan **“Enforcement Performance Administration”** (EPA) yang merupakan salah satu komponen utama Sistem Parkir & Kompaun Berintegrasi Negeri Selangor ‘Smart Selangor Parking’ (SSP) turut dalam proses pengujian di kawasan yang sama.

Sistem SSP ini dilaksanakan bagi tujuan pengurusan kawalan letak kereta dan sebagai kemudahan kaedah alternatif bayaran caj letak kereta kepada pengguna awam selain menggunakan Sistem Letak Kereta Berkupon.

Melalui sistem SSP ini, pengguna boleh membuat tambah nilai ke dalam satu akaun atas talian menerusi aplikasi telefon pintar yang boleh digunakan untuk membayar caj letak kereta dan kompaun letak kereta.

Pengguna letak kereta diberi pilihan untuk menggunakan 2 jenis Kaedah bayaran letak kereta seperti berikut:-

Bil	Kaedah Bayaran	Keterangan
1	Pembayaran elektronik menggunakan aplikasi pada telefon pintar.	Aplikasi SSP boleh dimuat turun daripada ‘Apple AppStore’ dan ‘Android PlayStore’. Pengguna perlu membeli tambah-nilai secara atas talian menerusi aplikasi SSP.
2	Pembayaran melalui khidmat pesanan ringkas ‘SMS’.	Pengguna boleh membuat bayaran caj letak kereta melalui SMS menerusi aplikasi SSP

Pelaksanaan sistem ini tidak akan melibatkan sebarang perubahan kadar caj letak kereta sepetimana yang telah dikuatkuasakan pada masa ini.

### 3. SISTEM PENGURUSAN AUDIT NILAI (SPAN)

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Audit Nilai (SPAN) yang dilaksanakan di setiap Jabatan/Agensi pada setiap tahun adalah merupakan satu ketetapan yang telah digariskan dalam arahan Y.A.B Perdana Menteri **Siri 7 No. 1 Tahun 2007: Pelaksanaan Sistem Pengurusan Audit Nilai Dalam Perkhidmatan Awam.**

Audit nilai ini dilaksanakan bagi mengukur tahap keberkesanan penerapan, penghayatan dan pengamalan nilai murni dari segi ideologi, peribadi, persepsi dan maklum balas pelanggan dengan mengambil kira enam nilai teras iaitu amanah, benar, bijaksana, adil, telus dan bersyukur.

Pada tahun 2016, Majlis secara keseluruhannya telah mendapat skor sebanyak **77.71% berbanding 79.74%** pada tahun 2015. Terdapat sedikit penurunan bagi indeks komposit ini dan skor tersebut dikategorikan pada tahap memerlukan penambahbaikan dengan pemantauan.

Saya berharap agar semua pihak terutama ketua jabatan dapat menerapkan dan meningkatkan program-program yang memberi penekanan kepada usaha membudayakan amalan serta tingkah laku positif dalam organisasi. Tingkah laku negatif perlu dikurangkan untuk mempertingkatkan persepsi yang lebih positif di kalangan pegawai dan kakitangan Majlis. Saya juga berharap agar Majlis sentiasa komited, bekerjasama dan bekerja dalam satu pasukan yang besar bagi meningkatkan lagi prestasi perkhidmatan Majlis.

#### 4. PENSIJILAN SEMULA DAN NAIKTARAF MS ISO 9001:2015

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melaksanakan peralihan pensijilan MS ISO 9001:2008 kepada versi MS ISO 9001:2015. Pensijilan ini disokong dengan 4 proses utama dan 17 proses sokongan.

Berdasarkan ini, Independent European certification group (IEC) akan membuat pengauditan pensijilan MS ISO 9001:2015 pada **4 dan 5 Jun 2018**. Objektif pelaksanaan audit oleh pihak IEC kali ini adalah untuk memastikan Majlis telah bersedia dalam peralihan/migrasi untuk memperoleh pensijilan semula & naik taraf daripada MS ISO 9001:2008 kepada MS ISO 9001:2015 yang mana sesebuah Jabatan/Organisasi mesti mewujud, melaksana, menyelenggara dan menambahbaik sistem pengurusan kualiti secara berterusan, termasuk proses yang diperlukan selaras dengan keperluan piawaian antarabangsa.

Sebagai makluman, MS ISO 9001:2015 adalah satu *standard* bertulis yang menetapkan keperluan asas dalam melaksanakan sistem pengurusan kualiti bagi memenuhi kehendak dan kepuasan pelanggan dan *stakeholder* (pihak berkepentingan).

## 5. KES DENGGI DI PETALING JAYA

Jumlah kumulatif kes demam denggi yang dilaporkan sehingga 14 April 2018 (**minggu epid ke 15/2018**) adalah sebanyak **544 kes**. Jumlah ini menunjukkan penurunan kes sebanyak **49%** berbanding tempoh yang sama pada tahun 2017 (**1070 kes**). Jumlah ini juga adalah yang terendah berbanding 2 PBT lain di daerah Petaling. Purata kes mingguan adalah sejumlah **36 kes seminggu**.

Manakala jumlah lokaliti wabak sehingga minggu epid 15 adalah 14 lokaliti seperti berikut:

LOKALITI WABAK	JUMLAH WABAK YANG DILAPORKAN PADA 14 APRIL 2018
Wabak Baru (WB)	0
Wabak Terkawal (WT)	16
Wabak Tidak Terkawal (WTK)	0
Hotspot (HS)	1
<b>JUMLAH LOKALITI WABAK</b>	<b>17</b>

Jumlah bilangan kes denggi mengikut zon Dun tahun 2018 sehingga ME 15 (14/4/2018) adalah seperti berikut:

BIL	DUN	JUMLAH PENDUDUK	BIL. KES	KADAR INSIDEN /100000
1.	BUKIT LANJAN	193,454	110	57
2.	KOTA DAMANSARA	140,960	136	96
3.	SERI SETIA	98,594	111	113
4.	TAMAN MEDAN	92,710	58	63
5.	DAMANSARA UTAMA	73,859	48	65
6.	BUKIT GASING	75,109	56	75
7.	KAMPUNG TUNKU	38,314	25	65

Bilangan Kawasan Hotspot Terkini Dilaporkan (Sehingga 17/4/2018)

Bil	Senarai Nama Lokaliti Wabak	Jumlah Kes Terkini	Wabak Di JangkaTamat
1	Seksyen 17 Teres F	8	20/4/2018
JUMLAH KES LOKALITI HOTSPOT		8	

### **Program SEDAR**

Sehingga kini, sebanyak 194 pasukan SEDAR telah ditubuhkan dan di perluaskan kepada lokasi-lokasi seperti berikut:

- 1) 139 Pasukan SEDAR Komuniti
- 2) 40 Pasukan SEDAR Sekolah
- 3) 5 Pasukan SEDAR Tapak Binaan
- 4) 7 Pasukan SEDAR MBPJ
- 5) 2 Pasukan SEDAR Kilang (Western Digital dan Dutch Lady)
- 6) 1 Pasukan SEDAR Hospital (KPJ Damansara Specialist Hospital)

### **6. OPERASI BERSEPADU MEMBANTERAS PENIAGA WARGA ASING**

Majlis telah melaksanakan operasi bersepadu bersama Jabatan Imigresen Malaysia pada 11 April 2018 tertumpu di beberapa kawasan hotspot kebanjiran peniaga-peniaga warga asing tanpa lesen di sekitar Bandar Sri Damansara dan Damansara Damai.

Operasi yang dijalankan adalah bertujuan mengekang kewujudan peniaga-peniaga warga asing yang dilihat memonopoli aktiviti perniagaan dilokasi-lokasi tersebut.

Hasil operasi tersebut, sejumlah 10 premis/gerai telah disemak melibatkan 61 pemeriksaan ke atas warga asing terlibat. Ekoran itu, sejumlah 35 warga asing telah ditahan untuk siasatan lanjut oleh Jabatan Imigresen. Kebanyakan warga asing yang ditahan terdiri dari Bangladesh, Indonesia, India dan Myanmar. Operasi-operasi sebegini akan diteruskan secara berkala bagi memastikan kesemua aktiviti perniagaan mematuhi syarat serta garis panduan yang ditetapkan oleh Majlis.

Saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Majlis, Majlis Bandaraya Petaling Jaya sepanjang perkhidmatan yang diberikan. Sebagai Datuk Bandar, saya amat hargai sumbangan yang telah dicurahkan. Saya juga difahamkan, ada dikalangan Ahli Majlis yang menjadi calon bagi Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 nanti. Tahniah dan syabas saya ucapkan dan selamat maju jaya di atas segala lapangan bidang yang diceburi.

Di kesempatan ini juga, saya mengucapkan selamat menyambut **Hari Pekerja** dan selamat menyambut kedatangan bulan **Ramadan al-Mubarak**. Saya doakan agar kita semua dapat menjalani ibadah puasa dengan sebaiknya pada kali ini. Amin.

**Sekian, terima kasih.**